

PERSIDANGAN DAN KEPUTUSAN (1972-1997)

2. Aksiologi
 - Etika
 - Estetika
3. Metafizik dan Agama
4. Falsafah Alam, Antropologi dan Kebudayaan

(ii) Hasil Kerja

- a. Jumlah istilah yang sempat disepakati sehingga abjad M ialah lebih kurang 2400 daripada 4000 entri.
- b. Kelompok juga telah membuat beberapa penambahan dan pengguguran dan penangguhan entri.
- c. Kelompok juga menyepakati bahawa semua nama ahli falsafah akan dipertimbangkan semula oleh setiap anggota negara iaitu mengikut keperluan negara masing-masing.

(iii) Masalah

- a. Kesuntukan masa

SIDANG KE-8 PAKAR MABBIM, 1994 (Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia 25-29 September)

Keputusan tentang PERISTILAHAN

Ekonomi

(i) Cara Kerja

- a. Meneliti semula bahan dalam subbidang Ekonomi Analisis dalam Sidang Ke-7 Pakar MABBIM untuk dinaikkan taraf daripada kategori B ke kategori A.
- b. Menyambung perbincangan istilah subbidang Ekonomi Analisis yang disediakan dalam Sidang Ke-7 Pakar MABBIM dan juga daftar istilah tambahan yang disediakan dalam Sidang Ke-8.
- c. Membincangkan istilah subbidang Ekonomi Awam.

(ii) Hasil Kerja

- a. Kelompok ini telah selesai membincangkan istilah subbidang Ekonomi Analisis yang berjumlah 893 istilah:

PERSIDANGAN DAN KEPUTUSAN (1972-1997)

Kategori A	:	467 entri
Kategori B	:	272 entri
Kategori C	:	- entri
Kategori D	:	154 entri
Jumlah		<u>893 entri</u>

Jumlah keseluruhan istilah subbidang Ekonomi Analisis yang telah disepakati ialah 1275 istilah:

Kategori A	:	814 entri
Kategori B	:	461 entri
Jumlah		<u>1275 entri</u>

- b. Kelompok ini telah meneliti istilah subbidang Ekonomi Awam sebanyak 1201 istilah.

Daripada jumlah tersebut, kelompok ini telah membincangkan sebanyak 363 istilah:

Kategori A	:	114 entri
Kategori B	:	116 entri
Kategori C	:	28 entri
Kategori D	:	105 entri
Jumlah		<u>363 entri</u>

- c. Kelompok telah bersetuju menjadi bahan subbidang Ekonomi Antarabangsa, Ekonomi Pembangunan dan Ekonomi Kewangan sebagai bahan tukar.

(iii) Masalah

- Kesuntukan masa sehingga tidak dapat membincangkan perencanaan awal untuk menyiapkan perbincangan istilah subbidang Ekonomi Awam dan Ekonomi Kewangan/Moneter.
- Pihak tuan rumah menghadapi masalah dalam penyediaan bahan.

Falsafah

(i) Cara Kerja

- Meneliti baki entri istilah (abjad N-Z) yang disebabkan kesuntukan waktu telah tidak dapat diselesaikan pada Sidang Ke-7 Pakar MABBIM.
- Membuat padanan dan kesepakatan istilah subbidang Epistemologi sambil memurnikan entri yang ada, sesuai dengan Per.VI (2) Laporan Kelompok Falsafah Sidang Ke-7 Pakar MABBIM.

PERSIDANGAN DAN KEPUTUSAN (1972-1997)

(ii) Hasil Kerja

- a. Berhasil meneliti dan menentukan subbidang bagi sejumlah 1627 entri Falsafah (abjad N-Z). Perinciannya sebagai berikut:

Subbidang Epistemologi	:	927 entri
Subbidang Metafizik	:	345 entri
Subbidang Aksiologi	:	222 entri
Digugurkan	:	<u>240 entri</u>
		<u>1779 entri*</u>

(*termasuk entri yang dimiliki oleh dua subbidang atau lebih).

- b. Berhasil menyepakati sejumlah 209 padanan istilah subbidang Epistemologi. Perinciannya sebagai berikut:

Kategori A	:	198 entri
Kategori B	:	- entri
Kategori C	:	1 entri
Kategori D	:	<u>10 entri</u>
Jumlah		<u>209 entri</u>

(iii) Masalah

- a. Kesuntukan waktu untuk menyepakati padanan istilah ketiga-tiga subbidang (Epistemologi, Metafizik dan Aksiologi)
- b. Oleh sebab bidang Falsafah hanya diikutsertakan dalam dua kali sidang pakar, maka terdapat banyak istilah yang belum diberi padanannya untuk disepakati.

Farmasi

(i) Cara Kerja

- a. Menyepakati klasifikasi bidang Farmasi
- b. Meneliti kertas b/JKTBM/SP8 Farmasi dan menentukan entrinya mengikut subbidang-subbidang Farmasi yang telah diputuskan berdasarkan buku rujukan yang telah disepakati.

(ii) Hasil Kerja

- a. Kelompok telah menggarap subbidang Farmasi dan keputusan seperti dalam lampiran.
- b. Kelompok telah meneliti dan menentukan subbidang bagi sejumlah 3991 entri Farmasi. Perinciannya sebagai berikut:

Subbidang Kimia Farmasi (KF)	:	769 entri
Subbidang Farmaseutik/Farmaseutika (FS)	:	999 entri
Subbidang Farmakologi (FK)	:	583 entri

PERSIDANGAN DAN KEPUTUSAN (1972-1997)

Subbidang Biologi Farmasi (BF)	:	168 entri
Subbidang Pentadbiran dan Amalan Farmasi/ Administrasi Farmasi (PF)	:	51 entri
Subbidang Kosmetologi	:	5 entri
Subbidang Farmasi Klinikal/Farmasi Klinik	:	219 entri
Subbidang Farmasi Industri (FI)	:	8 entri
Subbidang Farmasi Komuniti/ Farmasi Masyarakat (FKOM)	:	37 entri
Subbidang Farmasi Hospital/ Farmasi Rumah Sakit (FH)	:	47 entri
Subbidang Sejarah dan Falsafah Farmasi (SFF)	:	45 entri
Yang digugurkan (D)	:	1060 entri
Jumlah		<u>3991 entri</u>

(iii) Masalah

- a. Pedoman Khusus Sains Farmasi yang tuntas belum disepakati.
- b. Kekurangan bahan rujukan bagi subbidang baru, contohnya subbidang Pentadbiran dan Amalan Farmasi/Administrasi Farmasi dan Kosmetologi.
- c. Cakupan bidang Farmasi menurut ketentuan yang berlaku berbeza antara tiga negara. Pihak Indonesia mencakup bidang-bidang Ubat, Kosmetik dan Analisis Makanan, pihak Malaysia mencakup bidang-bidang Ubat dan Kosmetik sahaja, manakala pihak Brunei Darussalam pula hanya mencakup bidang ubat.
- d. Kelompok menyedari istilah bidang Farmasi banyak bertumpang tindih dengan bidang Kimia, Biologi dan Perubatan khususnya.

Kesusasteraan

Drama

(i) Cara Kerja

- a. Meneliti memilih dan menyelaraskan istilah bahan dari ketiga-tiga negara.
- b. Mencari dan menyelaraskan padanan bagi istilah yang disepakati.
- c. Mengeluarkan istilah yang bersangkutan dengan Seni Persembahan memandangkan subbidang yang diteliti pada kali ini ialah subbidang Drama.
- d. Mengeluarkan istilah yang bersangkutan dengan Teater Tradisional kecuali yang ada bersangkutan dengan istilah Drama.
- e. Menambah entri baru bersama padanannya.

(ii) Hasil Kerja

- a. Kelompok telah meneliti 1412 entri dari ketiga-tiga negara.
- b. Kelompok telah menyepakati padanan untuk 491 entri.
- c. Kelompok telah mengeluarkan 850 entri untuk subbidang Seni Persembahan.

PERSIDANGAN DAN KEPUTUSAN (1972-1997)

Kategori A	:	491 entri
Kategori B	:	58 entri
Kategori C	:	5 entri
Kategori D	:	858 entri

(iii) Masalah

- a. Istilah yang terdapat di dalam subbidang Drama banyak mengandung istilah Seni Persembahan. Masalah ini juga timbul dalam subbidang lain seperti subbidang Puisi.
- b. Kelompok menghadapi masalah terdapatnya istilah dan Teori Persembahan dan Teori Drama yang seharusnya tidak dimasukkan di dalam subbidang Drama.

Linguistik

(i) Cara Kerja

- a. Meneliti senarai istilah Fonologi yang disediakan oleh ketiga-tiga negara.
- b. Menyelaraskan serta mencari kesepakatan istilah-istilah yang disediakan.
- c. Menambah entri yang sepatutnya ada tetapi belum disenaraikan dalam senarai asal.

(ii) Hasil Kerja

- a. Kelompok ini telah menyelaraskan, menyepakati dan memberi padanan entri istilah subbidang Fonologi. Kelompok ini telah membuat tambahan entri sebanyak 51 istilah.

Oleh yang demikian jumlah keseluruhan istilah ini ialah 1429 entri. Sebanyak 751 entri telah diselaraskan dan disepakati. Perinciannya adalah seperti berikut:

Kategori A	:	613 entri
Kategori B	:	44 entri
Kategori C	:	12 entri
Kategori D	:	82 entri

(iii) Masalah

- a. Sumber rujukan tidak lengkap.
- b. Waktu bersidang tidak mencukupi bagi menggarap jumlah istilah yang perlu dibincangkan dan disepakati.

Matematik

(i) Cara Kerja

- a. Meneliti pengelasan sub-subbidang Statistik yang diusulkan pada Sidang Ke-6 Pakar MABBIM dan rencana kerja dalam keputusan Sidang Ke-7 Pakar MABBIM.
- b. Menentukan sub-subbidang yang dibincangkan.
- c. Meneliti entri istilah Teori Statistik yang disediakan oleh pihak Indonesia, sesuai dengan keputusan Sidang Ke-6 Pakar MABBIM.
- d. Menyelaraskan dan menyepakati istilah padanan Teori Statistik.

(ii) Hasil Kerja

- a. Bersepakat menerima entri Teori Statistik yang disediakan oleh pihak Indonesia (Kertas No.6/P/SP-8/1994 Statistik) sebagai bahan asas perbincangan.
- b. Berhasil menyepakati sejumlah 1276 istilah padanan Teori Statistik. Perinciannya adalah seperti berikut:

Kategori A	:	894 entri
Kategori C	:	380 entri
Kategori D	:	2 entri

*termasuk 362 istilah yang menjadi entri ketiga-tiga sub-subbidang Statistik.

(iii) Masalah

- a. Jumlah pakar dan waktu tersedia dirasakan sangat kurang sehingga jumlah entri dan padanan yang dapat dibincangkan terhad kepada satu sub-subbidang iaitu Teori Statistik. Kelompok tidak sempat membincangkan dua sub-subbidang lainnya, iaitu Analisis Statistik dan Teori Kebarangkalian dan Proses Stokastik.

Perubatan

(i) Cara Kerja

- a. Membincangkan Prinsip Umum bagi menyelesaikan masalah atau persoalan pokok yang sering dihadapi ketika menyepakati istilah bidang Perubatan.
- b. Menyemak entri dan menyepakati padanan istilah bagi disiplin Kardiovaskular yang telah disediakan oleh ketiga-tiga negara.
- c. Membincangkan dan meneliti baki disiplin Oftalmologi dari Sidang Ke-7 yang telah disediakan oleh pihak Brunei Darussalam.
- d. Membincangkan dokumen lain untuk merencanakan tindakan selanjutnya.

(ii) Hasil Kerja

- a. Berjaya membentuk satu prinsip umum yang dijadikan pedoman dalam perbincangan entri (lihat Lampiran I)

PERSIDANGAN DAN KEPUTUSAN (1972-1997)

- b. Menyelaraskan dan menyepakati sejumlah 2034 entri dan padanan istilah Kardiovaskular dengan pengkategorianya seperti berikut:

Kategori A	:	2009 entri
Kategori B	:	18 entri
Kategori C	:	4 entri
Kategori D	:	3 entri
		<hr/>
Jumlah		2034 entri

- c. Menyepakati sejumlah 798 entri dan padanan bagi baki disiplin Oftalmologi yang tertangguh.

(iii) Masalah

- a. Terlalu banyak bahan dalam satu sub-subbidang yang hendak dibincangkan dan tidak mungkin dapat diselesaikan dalam satu sidang.
- b. Pakar dari ketiga-tiga negara sepakat menyatakan rancangan kerja yang telah dibina dalam Sidang Ke-7 tidak sesuai kerana terlalu banyak entri dan sub-bidang yang perlu disepakati.
- c. Pakar dari ketiga-tiga negara hanya mampu menyelesaikan 2000 entri dalam satu-satu persidangan.

SIDANG KE-9 PAKAR MABBIM, 1995 (Indonesia: Bandung, 17-22 September)

Keputusan tentang PERISTILAHAN

Kedokteran Internal (Respiratori dan Endrokinologi, dan Fisiologi)

(i) Cara Kerja

- a. Menyisir dan memilah istilah Fisiologi dan Endokrinologi.
- b. Memisahkan istilah yang ada pada bidangnya masing-masing.
- c. Membahas istilah yang kurang disepakati untuk dicari jalan tengah penyelesaiannya.
- d. Menyunting ulang hasil kerja setelah diketik ulang.
- e. Membagi sidang menjadi dua kelompok, iaitu 3A (Respiratori) dan 3B (Fisiologi dan Endokrinologi).